



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN : IKLAN 26/04/19**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TIMBALAN PEGAWAI BALAI (P.5)
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian IV

Untuk mengelakkan permohonan awda ditolak, sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah **lengkap dan di muat naik** ke dalam Profil awda sebelum menekan butang 'Apply';

- ✓ Kad pengenalan dan Lesen Memandu.

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	Kad Pengenalan.pdf
	2016	2016	25/8/2016	Lesen Memandu.pdf

- ✓ **SIJIL-SIJIL** (sepertimana kehendak skim) serta **KELULUSAN TRANSCRIPT** dan **PENGESAHAN PENGIKTIRAFAN** kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	BGCE O LEVEL.pdf
	2016	2016	25/8/2016	NTC2.pdf
	2016	2016	25/8/2016	Skill Certificate 2.pdf
	2016	2016	25/8/2016	Skill Certificate 3.pdf

- ✓ Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sebagaimana kehendak skim.

- ✓ Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan "Current Government Employee". Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).



My Profile

Working Experience

Public and Ex-Government Employee



Current Government Employee



	Start Date	To Date	Name And Address of Employer	
	01/02/2015		PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	▲
	01/02/2015	31/01/2016	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	
	01/02/2014	31/01/2015	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	▼

Current Appointment

Starting Date

01/02/2012

Ministry

Prime Minister's Office

Department

PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

Job Title

KERANI



**1. TIMBALAN PEGAWAI BALAI
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
P.5 (\$965 - \$1,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SEBELAS (11)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding.
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
- b) **KELAYAKAN FIZIKAL:**
 - i) Umur - Di antara 18 tahun hingga 26 tahun (Lelaki / Wanita)
 - ii) Tinggi dan berat badan - Bagi lelaki:
sekurang-kurangnya 5'4"
(1.63m) tidak melebihi
60 Kg.

Bagi Wanita:
Sekurang-kurangnya 5'
(1.52m) tidak melebihi
55 Kg.
 - iii) Dada - Bagi lelaki:
sekurang-kurangnya
34" (86cm) apabila
tidak ditarik nafas (biasa).
 - iv) Bagi pemohon perempuan hendaklah bujang semasa memohon
dan sepanjang tempoh menjalani Kursus Asas Kebombaan.
 - v) Tiada masalah pendengaran.
 - vi) Tidak buta warna (*colour blind*).



vii) Calon hendaklah mempunyai badan yang sihat dan lulus peperiksaan yang dijalankan oleh Pegawai Perubatan yang dibenarkan berpandukan Garispandu Kesihatan bagi Ahli Bomba (*Medical Guideline for Firefighter*).

c) **UJIAN**

i). Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mengikuti Ujian Kecergasan Fizikal (BFT), bertulis dan praktikal serta ujian-ujian yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat dari semasa ke semasa. Mereka yang gagal dalam ujian tersebut tidak akan disokong.

d) **KURSUS / LATIHAN:**

i) Menjalani Latihan Asas Kebommbaan di Pusat Latihan Bomba dan Penyelamat atau diseberang laut dari semasa ke semasa.

ii) Hendaklah mencapai 80% kehadiran semasa menjalani Latihan Asas Kebommbaan, jika gagal calon tidak akan menerima sijil tamat latihan dan dikehendaki untuk mengikuti latihan akan datang.

iii) Hendaklah lulus ujian kecergasan fizikal (BFT) pada minggu ke 10 dari tarikh Latihan Asas Kebommbaan bermula, jika gagal calon akan ditamatkan daripada perkhidmatan.

2. a) i) Pemohon terdiri daripada anggota bomba yang mempunyai kelulusan ONC / BTEC / BVTEC / TEC dalam bidang yang besesuaian atau sebanding.

ii) Lulus ujian kecergasan fizikal (BFT), ujian bertulis dan ujian-ujian yang ditetapkan oleh Jabatan dari semasa ke semasa. Mereka yang gagal dalam ujian tersebut tidak akan disokong.

ATAU

b) i) Telah berkhidmat di Jabatan Bomba dan Penyelamat sebagai Penolong Pegawai Balai dalam tanggungaji P.4 tidak kurang dari 3 tahun.



- ii) Lulus kursus Persediaan Kenaikan Pangkat Timbalan Pegawai Balai.
- iii) Lulus ujian kecergasan fizikal (BFT), ujian bertulis dan ujian-ujian yang ditetapkan oleh Jabatan dari semasa ke semasa. Mereka yang gagal dalam ujian tersebut tidak akan disokong.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Patuh dan melaksanakan dasar Jabatan selaras dengan Akta Bomba dan Penyelamat (Pindaan 2002) Penggal 82 dari semasa ke semasa.
2. Bersedia dan patuh menjalankan tugas mengikut garispandu pada Akta Bomba dan Penyelamat (Pindaan 2002) Bahagian II Pertubuhan, Tugas dan Kuasa-Kuasa.
3. Jika ditugaskan di bahagian operasi, berperanan selaku Pegawai Mengetuai Pasukan / Timbalan Pegawai Mengetuai Pasukan yang bertanggungjawab ke atas penyusunan dan pentadbiran anggota dan aset di bawah jagaannya.
4. Mentadbir balai atau pasukan di bawah jagaannya serta perjalanan aset Kerajaan ke arah yang lebih berkesan dan teratur di dalam melaksanakan tugas-tugas yang bersangkutan dengan kecemasan.
5. Memastikan kecekapan anggota bertugas dalam bidang operasi dan menyelamatkan ke arah lebih berkesan.
6. Menghadiri apa-apa jua panggilan kecemasan dengan cepat dan bertindak dengan tangkas semasa operasi dan menyelamatkan.
7. Mengetahui *station ground* mengenai tempat-tempat strategik bagi persediaan tindakan melawan kebakaran dan apa-apa jua bentuk kecemasan.
8. Menjalankan *station routine* mengikut keperluan balai yang ditadbir mengikut kategori bahaya di kawasan masing-masing.
9. Menjalankan polisi, perintah dan arahan-arahan daripada pihak atasan dari semasa ke semasa.



10. Bertanggungjawab mengawasi dan menjaga tata tertib semua anggota di bawah jagaannya.
11. Mengadakan latihan-latihan, pemeriksaan-pemeriksaan dan sebagainya di kawasan masing-masing.
12. Menyediakan laporan-laporan kebakaran / kecemasan *worksheet* bagi jentera dan peralatan.
13. Hendaklah proaktif dalam menjalankan apa-apa jua tugas yang diberikan.
14. Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.